



Ringgit dijangka diniagakan dalam jajaran kecil

RINGGIT dijangka diniagakan dalam jajaran kecil antara 4.20 dan 4.22 minggu depan, dipengaruhi peningkatan berterusan kes Covid-19 di negara ini dan sentimen berhati-hati menjelang mesyuarat dasar Rizab Persekutuan (Fed) Amerika Syarikat (AS).

Ahli ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd Adam Mohamed Rahim berkata tumpuan utama pasaran pada minggu depan adalah mesyuarat dasar Fed AS selama dua hari yang dijadualkan berakhir pada Khamis.

“Mesyuarat terakhir telah diadakan pada 16 Jun yang mana pegawai Fed AS berkata, Covid-19 akan melembapkan ekonomi dan dalam tempoh itu, kes telah meningkat akibat varian Delta.

“Bagaimanapun, pasaran masih berharap mesyuarat itu akan menghasilkan sedikit penambahbaikan dalam perbincangan untuk mengurangkan rangsangan,” katanya kepada Bernama.

Beliau berkata, terdahulu AS juga telah memacu vaksinasi yang kukuh dan diharap dapat membendung penularan varian Delta secara lebih meluas.

“Jika ini berlaku, kami jangka indeks dolar akan meningkat dan pada akhirnya menyebabkan penyusutan ringgit,” katanya.

Malaysia mencatatkan kes harian tertinggi Covid-19 setakat ini, pada Jumaat iaitu 15,573 kes baharu, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 980,491 kes.

Sebelum ini, angka harian tertinggi kes baharu adalah 13,215 pada 15 Julai 2021.

<https://www.sinarharian.com.my/article/151611/BISNES/Ringgit-dijangka-diniagakan-dalam-jajaran-kecil>